



Sharija Che Shaari
Pensyarah Kanan Undang-undang
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan
Universiti Malaysia Sabah
sharija@ums.edu.my/scslaw2012@gmail.com

Siri Literasi Perundangan Pekerjaan SCS Bil. 7 (2023)

TOPIK: APAKAH TANGGUNGJAWAB MAJIKAN UNTUK MENYEDIAKAN SURAT RUJUKAN (REFERRAL LETTER)?

1. Apakah Surat Rujukan (Referral Letter)?
 - untuk mengesahkan ketepatan kenyataan yang dibuat dalam permohonannya, dan
 - untuk memberikan pendapat tentang kesesuaian calon untuk jawatan berkenaan dan potensinya untuk masa hadapan berdasarkan perkhidmatan calon di organisasi anda.
2. Tiada kewajipan undang-undang untuk memberikan rujukan untuk pekerja atau bekas pekerja dan jika majikan mahu, mereka boleh menolak untuk memberi rujukan. Ini dinyatakan dalam kes *Lawton v BOC Transshield Ltd* [1987] IRLR 404.
3. Majikan tidak mempunyai kewajipan undang-undang untuk memberi rujukan kepada bekas pekerja.
4. Namun, jika majikan berbuat demikian, dia bertanggungjawab kepada pekerja itu untuk mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa pendapat yang dinyatakan di dalam surat rujukan adalah benar.
5. House of Lords dalam kes *Caparo Industries v Dickman* [1990]

Jika saya menyatakan dalam surat rujukan bahawa pekerja ini mempunyai masalah disiplin, kesian pulak bila dia gagal mendapat kerja di tempat baharu. Jika saya berbohong, ini tidak adil kepada bakal majikan. Apa yang harus saya lakukan?



menyatakan penulis surat rujukan mempunyai tanggungjawab berhati-hati terhadap subjek rujukan itu untuk melaksanakan tanggungjawab berkenaan dengan munasabah

6. Kesimpulannya, majikan bukanlah tanggungjawab majikan untuk menyediakan surat rujukan terhadap pekerja atau bekas pekerja.
7. Namun jika majikan memilih untuk menyediakan surat berkenaan, maka ia perlu dilakukan secara munasabah kerana majikan mempunyai tanggungjawab di sisi undang-undang untuk jujur.



~TAMAT~